

11/05/2002

Persembahan hebat Anita di Astro

Zul Husni Abdul Hamid

BAGI yang terlepas peluang menyaksikan konsert penghibur evergreen, Anita Sarawak yang berlangsung di Stadium Putra, Bukit Jalil, 7 April lalu, pastikan menyaksikan aksi hebatnya di saluran Astro Ria, jam 8.30 malam ini.

Anita yang mencecah usia 50, 23 Mac lalu nyata masih bertenaga dan mampu beraksi ligat dalam persembahan yang berlangsung selama dua setengah jam. Sehebat penghibur Barat, Tina Turner, begitulah juga Anita yang jelas tidak kalah gayanya.

Entah di mana tersembunyi kudrat Anita, diva warisan primadona Siput Sarawak dan Datuk S Roomai Noor ini masih unggul di pentas. Walaupun ketika itu, Malaysia hangat dengan pelbagai agenda hiburan termasuk Anugerah IIFA 2002 di Genting Highlands, konsert live Tan Sri SM Salim dan Siti Nurhaliza di Angkasapuri dan sehari sebelumnya Konsert Amal Ehsan Afghan di PWTC, Anita tetap jadi tumpuan.

Kesetiaan peminat terhadap Anita tidak pernah luntur, sekalipun hujan lebat membasahi ibu kota, namun mereka tetap bersemangat menyaksikan penghibur yang lebih 17 tahun beraksi di Caesar's Palace, Las Vegas.

Rangkaian lagu popular akan menemani peminat termasuk Cinta Nan Satu, Tragedi Buah Epal, Bawalah Daku Pergi dan Asmara. Malah ditemani gubahan muzik hebat hasil sentuhan Helen Yap, Anita menggegarkan pentas dengan rangkaian lagu tradisional popular seperti Joget Gila Bayang, Lodeh Mak Lodeh, Joget Sayang Disayang dan lagu kegemaran suaminya, Begawan Solo. Lagu wajibnya, Akhirnya Kini Pasti juga didendangkan khusus buat peminat yang begitu sinonim dengan lagu rancak itu.

Tidak melupai rakan seperjuangannya, Allahyarham Sudirman Haji Arshad, Anita mengabadikan secara solo lagu duet mereka, Bercanda Di Pasiran Pantai. Pastinya meruntun hati kerana ketika ia berkumandang, layar besar di pentas menayangkan klip aksi penghibur nombor satu Asia itu.

Anita menggelarkan Sudirman sebagai Entertainer Extraordinaire. Tidak melupai jasa ibu dan bapanya, Anita turut menyanyikan lagu, When Will I See You Again khusus untuk menyatakan kerinduannya terhadap mereka.

Selain lagu Melayu, Anita mempelbagaikan pilihan lagu dengan menyanyikan lagu Inggeris, Mandarin termasuk Turn The Beat Around, Cup Of Life, Simply The Best dan Bad Boy. Menyerikan persembahan, kemunculan suaminya, Mohd Mahathir Abdullah yang menyanyikan lagu She Will Rock You, She Bangs dan Hero.

(END)